



Faculty of Applied and Creative Arts

**INTERPRETASI WARISAN ISTANA KELLIE BAGI MENGGALAK
INDUSTRI PELANCONGAN DI BATU GAJAH, PERAK**

**Nurfarhana Binti Ismail
38119**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).
Universiti Malaysia Sarawak**

2016

**INTERPRETASI WARISAN ISTANA KELLIE BAGI MENGGALAK INDUSTRI
PELANCONGAN DI BATU GAJAH, PERAK**

NURFARHANA BINTI ISMAIL

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

NURFARHANA BINTI ISMAIL, 38119

I.....hereby declare that the work entitled.....

INTERPRETASI WARISAN ISTANA KELLIE BAGI MENGGALAK

INDUSTRI PELANCONGAN DI BATU GAJAH, PERAK

.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NURFARHANA BINTI ISMAIL (38119)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

PUAN RAHAH BT HASAN

I..... hereby certifies that

the work entitle.....

INTERPRETASI WARISAN ISTANA KELLIE BAGI MENGGALAK

INDUSTRI PELANCONGAN DI BATU GAJAH, PERAK

.....was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of...**IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**...and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

PUAN RAHAH BT HASAN

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**NO. 55, PERSIARAN SS2 PERDANA 2,
TAMAN SS2 PERDANA
31100 SG. SIPUT (U),
PERAK.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Interpretasi Warisan Istana Kellie Bagi Menggalak Industri Pelancongan di Batu Gajah, Perak**” telah disediakan oleh **Nurfarhana Binti Ismail** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah bt. Hasan)

Tarikh: _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pameran dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(NURFARHANA BINTI ISMAIL)

38119

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan projek tahun akhir ini sebagai memenuhi syarat bagi penganugerahan Sarjana Muda Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia dan pembimbing, Puan Rahah bt Hasan yang sentiasa sudi memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa menjadi pendorong dalam proses penghasilan tesis ini. Berkat doa dan kesabaran telah menjadi pemangkin untuk saya meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa kepada pihak-pihak yang membantu dalam penghasilan penyelidikan ini, iaitu pihak pengurusan Istana Kellie, terima kasih tidak terhingga atas kerjasama yang diberikan. Semoga segala jasa yang telah dicurahkan dapat memberi kemudahan kepada mereka yang memerlukan. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian. Wassalam.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN	
	PENGAKUAN	
	PENGHARGAAN	i
	KANDUNGAN	ii
	SENARAI JADUAL	vi
	SENARAI RAJAH	vii
	SENARAI GAMBAR	viii
	ABSTRAK	x
	ABSTRACT	xi
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar belakang	4
	1.2.1 Interpretasi Warisan, Istana Kellie	
	1.2.2 Perancangan Pembangunan Istana Kellie	
	1.2.3 Klasifikasi Bangunan Bersejarah	
	1.3 Penyataan Masalah	9
	1.4 Persoalan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Skop Kajian	12
	1.7 Lokasi Kajian	13

	1.7.1	Pengenalan	
	1.7.2	Latar Belakang Istana Kellie, Batu Gajah	
1.8		Kepentingan Kajian	15
	1.8.1	Pengunjung Istana Kellie	
	1.8.2	Pihak Pengurusan Istana Kellie	
1.9		Kesimpulan	17

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

	2.1	Pengenalan	18
	2.2	Definisi	19
	2.2.1	Warisan	
	2.2.2	Interpretasi	
	2.2.3	Interpretasi Warisan	
	2.2.4	Tapak Warisan dan Sejarah	
2.3		Sorotan Kesusasteraan	21
	2.3.1	Prinsip-prinsip Interpretasi	
	2.3.2	Jenis-jenis Media Interpretasi	
	2.3.3	Fungsi Interpretasi Warisan	
	2.3.4	Isu dan Cabaran Interpretasi Warisan	
	2.3.5	Bangunan Warisan sebagai Penggalak Pelancongan	
	2.3.6	Pengurusan Bangunan Warisan dan Tapak Bersejarah	
	2.3.7	Perkembangan Pelancongan di Perak	
2.4		Kesimpulan	35

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Kerangka Konseptual	39
	3.2.1 Aspek-aspek Kejayaan Interpretasi	
	3.2.2 Penginterpretasi	
	3.2.3 Media Interpretasi	
3.3	Reka Bentuk Kajian	43
3.4	Kaedah Kajian	45
3.5	Populasi Kajian	46
3.6	Instrumen Kajian	47
3.7	Limitasi Kajian	48
3.8	Kesimpulan	50

BAB 4 ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

4.1	Pengenalan	51
4.2	Aspek Interpretasi	53
	4.2.1 Mengaitkan Aspek Interpretasi dengan Pelawat	
	4.2.2 Teknik-teknik Inovatif	
	4.2.3 Keperluan Asas Interpretasi	
	4.2.4 Penglibatan Masyarakat	
4.3	Interpretasi Koleksi Dokumen, Sejarah dan Warisan IK	61
4.4	Seni Bina dan Identiti IK	68
4.5	Jenis-jenis Media Interpretasi	73
4.6	Kaedah Interpretasi	86
4.7	Statistik Kedatangan Pengunjung	90
4.8	Kesimpulan	92

BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	93
5.2	Rumusan Isu dan Permasalahan Interpretasi	94
5.3	Cadangan Penambahbaikan	96
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.5	Penutup	101
BIBLIOGRAFI		102
LAMPIRAN		108

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Kategori warisan	2
Jadual 2	Draf rancangan tempatan Daerah Kinta	6
Jadual 3	Kategori bangunan bersejarah	7
Jadual 4	Jenis media interpretasi	25
Jadual 5	Soalan temubual kajian	40
Jadual 6	Aspek yang berkaitan dengan kejayaan interpretasi	52
Jadual 7	Kronologi sejarah dan latar belakang pembinaan IK	66
Jadual 8	Aktiviti yang dijalankan di IK	91

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Lokasi Istana Kellie	14
Rajah 2	Carta alir pendekatan kajian	38
Rajah 3	Rangka konseptual pelaksanaan media interpretasi	39
Rajah 4	Kaedah Interpretasi di Istana Kellie	86
Rajah 5	Statistik kedatangan pengunjung	90

SENARAI GAMBAR

Gambar 1	Kawasan Legar Utama Istana Kellie	13
Gambar 2	Rumah lama William Kellie Smith yang dipanggil Kellas House sebelum pembinaan Istana Kellie	64
Gambar 3	Pintu masuk Istana Kellie	69
Gambar 4	Seni bina istana Kellie	69
Gambar 5	Perincian seni bina Moorish Revival dapat dilihat di setiap bahagian bangunan	70
Gambar 6	Bentuk geometri pada dinding Istana Kellie yang menekankan gaya Moorish Revival	70
Gambar 7	Bahagian sisi laluan masuk utama IK	71
Gambar 8	Tangga yang dibina menuju ke kandang kuda dan bahagian tepi istana	71
Gambar 9	Lorong balkoni IK	72
Gambar 10	Pandangan sisi seni bina bangunan	72
Gambar 11	Pengunjung di pusat interpretasi Istana Kellie dan paparan maklumat yang disediakan	74
Gambar 12	Paparan maklumat William di pusat interpretasi	74
Gambar 13	Jambatan yang dibina untuk menghubungkan tempat meletak kenderaan dengan istana	75
Gambar 14	Jambatan yang dibina menyeberangi Sungai Kinta untuk ke Istana Kellie	76
Gambar 15	Laluan masuk ke bangunan istana	76
Gambar 16	Maklumat yang disediakan di bilik sembahyang	77
Gambar 17	Antara papan tanda peringatan yang disediakan	78
Gambar 18	Maklumat bilik bacaan	78

Gambar 19	Maklumat tentang bahan binaan yang digunakan diletakkan di dalam cermin	79
Gambar 20	Papan maklumat yang menggunakan dua bahasa	79
Gambar 21	Papan maklumat tentang tangga spiral	80
Gambar 22	Papan tanda penunjuk arah bagi kemudahan yang disediakan di Istana Kellie	80
Gambar 23	Gambar-gambar pengunjung yang datang ke Istana Kellie	81
Gambar 24	Pameran perabot kegemaran William Kellie Smith yang di sumbangkan oleh keturunannya	82
Gambar 25	Koleksi pameran gambar-gambar karikatur yang dilukis di Istana Kellie	82
Gambar 26	Reka bentuk brosur yang disediakan	83
Gambar 27	Saluran tv1 turut menyiarkan berita tentang Istana Kellie	84
Gambar 28	Saluran Discovery Channel yang menyediakan dokumentari sejarah dan latar belakang istana	85
Gambar 29	Temuramah bersama pengurus Istana Kellie yang di muat naik di youtube	85
Gambar 30	Keratan akhbar tentang lawatan paranormal di Istana Kellie	88
Gambar 31	Brosur dan poster pelancongan malam paranormal istana kellie	88
Gambar 32	Contoh poster yang di reka	89

ABSTRAK

Sumber warisan yang ada di Malaysia boleh dijadikan sebagai salah satu faktor peningkatan industri pelancongan. Setiap sumber warisan yang ada sudah semestinya mempunyai nilai tersendiri yang perlu di kekalkan dan dipelihara. Interpretasi dan persembahan disesebuah kawasan warisan bertujuan memberi maklumat dan mendidik pengunjung. Proses interpretasi bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pengunjung dengan menggunakan segala nilai yang ada pada kawasan warisan. Tujuan penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mendokumentasikan sejarah, kemudahan, elemen-elemen interpretasi dan persembahan di tapak warisan, Istana Kellie, Batu Gajah Perak. Penyelidikan ini juga mengenalpasti permasalahan dan mengkaji pandangan dan cadangan penambahbaikan yang dapat dilakukan oleh pihak pengurusan Istana Kellie untuk peningkatan interpretasi dan persembahan tapak warisan. Seterusnya, proses analisis data dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu pengamatan dan tinjauan terhadap kawasan penyelidikan dan temu bual dengan pelaksanaan pendekatan sejarah dan inventori. Dapatan penyelidikan mendedahkan interpretasi dan persembahan tapak warisan yang perlu dilakukan secara berterusan. Selain papan tanda bermaklumat, terdapat cara lain yang digunakan iaitu risalah, brosur, galeri pameran dan jurupandu. Hasil dapatan penyelidikan ini diharap dapat meningkatkan kepekaan dan minat ke atas aktiviti melawat dan menghayati kawasan warisan yang ada di dalam negara serta dapat menggalakkan usaha interpretasi dan persembahan warisan dilakukan oleh pihak pengurusan secara berterusan. Akhir sekali, dengan penyelidikan ini, warisan sejarah di Istana Kellie dapat dihargai disamping dapat membantu mengekalkannya.

ABSTRACT

Heritage resources that exist in Malaysia can be used as one factor in the increase of the tourism industry. Each heritage resources that are definitely has its own value that needs to be maintained and preserved. Interpretation and presentation of heritage areas aims to provide information and educate visitors. The process of interpretation intended to increase understanding of visitors using the values in the heritage area. The aim of this research was to document the history, facilities, elements of interpretation and presentation of heritage sites, Kellie's Castle, Batu Gajah, Perak. This research also identify problems and assess the views and suggestions for improvement that can be made by the management of Kellie's Castle in improving interpretation and presentation of heritage sites. Next, the process of data analysis was conducted using qualitative methods of observation and review of the research and interviews with the implementation approach and its inventory. Research findings reveal the interpretation and presentation of heritage sites that need to be done continuously. In addition to informative signs, there is another way of leaflets, brochures, exhibition galleries and the guides. The findings of this research were to raise awareness and interest on the activities of visiting and appreciate the heritage that exists in the country and to encourage efforts heritage interpretation and presentation made by management. Finally, with this research, the historical heritage can be appreciated in addition to Kellie's Castle can help maintain it.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai warisan sejarah antaranya bangunan, monumen, artifak serta warisan budaya yang dimiliki oleh masyarakat setempat contohnya, kesenian dan tradisi serta cara hidup. Kategori warisan sejarah terbahagi kepada dua bahagian iaitu warisan nyata dan tidak nyata. Contoh-contoh warisan sejarah nyata ialah tapak bersejarah, monumen dan bangunan. Kategori warisan bersejarah nyata ini dapat diinterpretasikan dengan cara mempersembahkan tapak bersejarah tersebut sebagai sebuah lokasi yang menyimpan pelbagai sejarah berkaitan perkembangan sesebuah negara dan ketamadunan bangsanya.

Antara tapak bersejarah yang terdapat di Malaysia ialah Kota Belanda di Teluk Gedung, Perak, Bandaraya Melaka dan Georgetown, Istana Lama seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Bukit Melawati di Kuala Selangor. Tapak-tapak bersejarah yang disebutkan merupakan contoh tapak bersejarah dalam konteks negara Malaysia. Manakala bagi warisan tidak nyata, contohnya ialah melalui penginterpretasian dan persembahan adat istiadat upacara, budaya masyarakat, kesenian seperti tarian, muzik, alat muzik, lagu-lagu rakyat, cara berpakaian serta permainan tradisional (Othman, Siti Norlizaiha & Siti Norsazlina, 2007). (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Kategori Warisan

Kategori	Keterangan
<p>Warisan ketara (tangible)</p>	<p>Statik: merupakan tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tapak tanah bersejarah (contoh: Lembah Bujang, Pusat Bandar Lama Melaka, kawasan perlombongan Sg. Lembing) • Monumen / Bangunan (contoh : Istana, Kubu, Makam, Menara) • Alam Semulajadi (contoh : hutan, gunung, gua, sungai, flora dan fauna, geologi) <p>Mudah alih: merupakan artifak-artifak bahan budaya yang boleh dipindahkan</p> <p>Contoh : Artifak (contoh : batu nisan, tekstil, ukiran kayu, manik, manuskrip)</p>
<p>Warisan tidak ketara (intangible)</p>	<p>Warisan tidak nyata adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan.</p> <p>Contoh: Acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional.</p>

Tanggungjawab untuk merancang dan menguruskan tapak warisan dan sejarah di Malaysia diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA) yang di selia oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KEKWA). Di Malaysia, Muzium Negara menjadi peneraju aktiviti yang berkaitan dengan usaha-usaha pemuliharaan dan pengekalan koleksi warisan dan khazanah negara. Bilangan bangunan dan tapak warisan bersejarah yang dibangunkan sebagai kompleks warisan dan muzium juga semakin meningkat hasil usaha daripada pihak-pihak yang terlibat.

Pembangunan tersebut merupakan salah satu usaha supaya tinggalan warisan dan budaya dapat dipelihara untuk menggalak ekonomi tanpa melupakan tujuan utamanya iaitu untuk mengekalkan bukti sejarah. Dengan adanya projek pembangunan, kawasan bersejarah dapat dijadikan tempat untuk mempelajari sejarah serta menjadi tarikan pelancongan. Kini, bilangan bangunan bersejarah yang dijadikan kompleks sejarah dan muzium semakin bertambah. Usaha yang berterusan dalam pengekalan nilai-nilai pada bangunan-bangunan tersebut sepatutnya diberi pujian.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Interpretasi Warisan, Istana Kellie

Interpretasi warisan adalah satu medium yang dilaksanakan di Malaysia untuk mengekalkan dan mempersembahkan warisan sejarah yang sedia ada. Maksud interpretasi ialah sebarang bentuk persembahan yang menggunakan bahan fakta (*factual material*). Dalam konteks interpretasi, jenis bahan-bahan fakta yang turut didefinisikan ialah papan informasi tapak, panel perancangan objek, papantanda, bahan pameran, brosur, kempen pengiklanan serta risalah pelancongan di samping objek sejarah yang ada. Kawasan tapak warisan yang dijadikan kawasan penyelidikan interpretasi dan persembahan diselidik untuk mengetahui cara interpretasi tapak tersebut. Tapak warisan dan sejarah yang dipilih dalam penyelidikan ini ialah Istana Kellie, Batu Gajah, Perak. Tarikan Istana Kellie adalah keunikan pada bangunan dan sejarah serta misteri di sebalik tapak warisan tersebut. Kesemua nilai yang ada padanya adalah merupakan objek atau satu bahan interpretasi yang tersendiri.

1.2.2 Perancangan Pembangunan Istana Kellie

Projek arkeologi pemuliharaan Istana Kellie telah dijalankan pada tahun 2000. Setelah itu, proses pemuliharaan dijalankan pada tahun 2011 yang menelan belanja sebanyak RM5 juta. Projek tersebut terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK 10) dan telah menunjukkan impak yang kuat kepada industri pelancongan negeri Perak. Berdasarkan statistik, sepanjang tahun 2011 pelawat yang datang ke Istana Kellie mencecah 66,000 orang (Bernama, 2011 Oktober 20).

Banyak usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam proses menyelamatkan struktur bangunan Istana Kellie. Usaha-usaha telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Perak untuk menyelamatkan struktur bangunan Istana Kellie dari tumbuhan yang semakin meliar. Dalam Laporan Rancangan Tempatan: Draf Rancangan Tempatan Daerah Kinta Perak Darul Ridzuan 2002 – 2015, telah menggariskan usaha dalam proses pembangunan pelancongan bagi Istana Kellie. Antaranya ialah: (Rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Draf rancangan tempatan Daerah Kinta

Bil.	Pelan perancangan
1.	Kawasan sekitar Istana Kellie akan diindahkannya lagi dengan cara meningkatkan lagi kualiti visual persekitarannya. Perancangan menghasilkan sebuah taman getah di kawasan tersebut bagi mewujudkan semula persekitaran aktiviti perladangan ladang getah yang pernah berlaku di kawasan itu dahulu dengan kelengkapan proses perolehan susu getah ditonjolkan kepada pelancong dicadangkan untuk menambah daya tarikan kawasan ini.
2.	Promosi Istana Kellie kepada pengantin baru dengan cara penyebaran sejarah pembinaan bangunan warisan tersebut sebagai lambang cinta seorang suami kepada isterinya supaya aktiviti penggambaran di kawasan tersebut lebih rancak. Pihak pengurusan akan mengusahakan pakej khusus penggambaran berlatar belakangkan bangunan tersebut.
3.	Penyediaan 'telescopic automatic' juga dicadangkan di tingkat atas Istana Kellie bagi membolehkan pelancong melihat pemandangan indah di kawasan persekitaran Istana Kellie.
4.	Pelan perancangan semula kawasan Istana Kellie untuk mewujudkan kemudahan pusat maklumat, bangunan pengurusan, kafeteria dan tempat letak kereta kepada pengunjung. Selain itu, penyediaan tandas awam yang selesa dan papan tanda yang mudah difahami dalam pelbagai bahasa.

1.2.3 Klasifikasi Bangunan Bersejarah

Di Malaysia, terdapat banyak bangunan bersejarah yang masih berada dalam keadaan yang baik dan dapat menarik pengunjung sama ada dari dalam atau luar negara. Bangunan-bangunan tersebut mencirikan identiti dan menyimpan sejarah penting negara. Merujuk **Badan Warisan Malaysia (1990)**, bangunan bersejarah boleh diklasifikasikan kepada 12 kategori. (Rujuk Jadual 3)

Jadual 3: Kategori bangunan bersejarah

Kegunaan	
Residensi	<ul style="list-style-type: none">• Rumah Melayu tradisional• Istana, banglo, vila, rumah agama• Rumah teres
Komersil	<ul style="list-style-type: none">• Pasar• Kewangan, pejabat, gudang• Rumah tamu, rumah tumpangan, hotel• Kafe
Campuran	<ul style="list-style-type: none">• Rumah kedai
Ketenteraan	<ul style="list-style-type: none">• Kota, kubu
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah, kolej, universiti
Institusi	<ul style="list-style-type: none">• Bangunan kerajaan, mahkamah, penjara, hospital dan kedutaan
Industri dan Pertanian	<ul style="list-style-type: none">• Lombong, kilang, pelabuhan dan estet
Keagamaan	<ul style="list-style-type: none">• Masjid, surau, wakaf, gereja, tokong, kuil dan perkuburan
Rekreasi dan Sosial	<ul style="list-style-type: none">• Rumah kelab dan panggung wayang
Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none">• Muzium, teater dan pentas persembahan
Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none">• Stesen keretapi, bas, jeti dan lapangan terbang
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none">• Menara jam dan monumen